

### 38. Adik Baru

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



**Kata bantuan:**

melahirkan

comel

teruja

buah tangan

menggendong

tahniah

Saya sedang berada di Hospital Kandang Kerbau. Datuk dan Nenek juga di sini. Kami menyambut tibanya satu lagi ahli di dalam keluarga kami. Ibu baru sahaja **melahirkan** seorang bayi lelaki. Saya berasa amat **teruja**.

Ibu sedang terbaring di atas katil hospital sambil **menggendong** adik saya. Adik kelihatan sungguh **comel**. Dia juga mirip wajah saya.

Makcik dan Pakcik tiba dengan membawa sebakul buah-buahan sebagai **buah tangan**. Mereka mengucapkan **tahniah** kepada ibu bapa saya.

Sekarang, saya mesti menjadi lebih bertanggung jawab. Saya sudah menjadi seorang kakak!